
Mahathir jelaskan sebab setuju hadiri Sidang Rio

KOTA KINABALU 30 April — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata keputusannya untuk menghadiri Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro adalah untuk mempertahankan dan mengutarakan apa yang disepakati pada Persidangan Menteri Negara Membangun mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan yang berakhir di Kuala Lumpur semalam.

"Walaupun tidak senang

hati dengan tindakan sesetengah negara maju dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kerana komitmen kita pada Deklarasi Kuala Lumpur ini, kita mesti mempertahankannya," tegas Perdana Menteri.

Katanya, tidak ada makna bagi Malaysia sekiranya tidak menghadiri sidang tersebut sedangkan Malaysia terbabit secara langsung dalam persidangan berkenaan di samping mengambil bahagian penting

dalam Deklarasi Kuala Lumpur.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin UMNO Sabah di sebuah hotel terkemuka di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, keputusannya tidak mahu menghadiri sidang tersebut sebelum itu disebabkan NGO merancang untuk mengecam Malaysia dan mengambil tindakan.

Kata Dr. Mahathir, Malaysia berpendapat komitmen negara-negara maju masih belum mencukupi walaupun ada yang hadir di Kuala Lumpur dan menunjukkan sokongan.

Mengenai Tabung Kemudahan Alam Sekitar Sedunia (GEF), Perdana Menteri berkata, Malaysia kluatir GEF ditadbir oleh Bank Dunia memandang suara negara-negara membangun dalam bank tersebut begitu lemah.
